

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN VAN JENAZAH
DARIPADA DRB-HICOM BERHAD KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI RABU, 10 OGOS 2016, PUKUL 2:00 PETANG
DI MASJID UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berusaha Tuan Shaik Abbas Ibrahim,

Ketua, Bahagian Komunikasi Kumpulan, DRB-HICOM Berhad;

Yang Hormat Dato' Hajah Rosmah Haji Hashim,

Pengurus Kanan (Sumber Manusia & Pentadbiran),

Isuzu HICOM Malaysia Sdn Bhd;

Para anggota delegasi DRB-HICOM Berhad;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusof,
Pemangku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr Ishak Ismail,
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abd Hamid Majid,
Pendaftar;

Encik Zainudin Othman,
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Dr. Mahyuddin Ismail,

Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat
Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita berkesempatan untuk bertemu dalam majlis pada petang ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Tuan Shaik Abbas Ibrahim, Ketua Bahagian Komunikasi Kumpulan DRB-HICOM Berhad dan para anggota delegasi yang diketuai beliau ke UMP Kampus Gambang sempena majlis pada hari ini.

3. Majlis ini sesungguhnya merupakan satu manifestasi jaringan kerjasama yang mesra lagi erat antara Universiti ini dengan DRB-HICOM Berhad. Tidak hanya kerjasama ini terhad tatkala Pengerusi DRB-HICOM Berhad, Brigadier Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr) Haji Mohd Khamil Jamil menjadi Pro-Canselor UMP, namun penglibatan kedua-dua organisasi ini dalam pelbagai kolaborasi akademik dan penyelidikan turut menyumbang kepada kemesraan hubungan tersebut.

4. Dalam konteks ini, UMP komited untuk mengembangkan peluang kolaborasi yang berpotensi untuk diteroka bersama pihak DRB-Hicom Berhad dalam pelbagai lapangan yang berkaitan dengan urusan teras (*core business*) kedua-dua pihak.

5. Kewujudan DRB-HICOM University of Automotive Malaysia dan Kompleks Automotif DRB-HICOM di Kawasan Perindustrian Peramu di Bandar Diraja Pekan yang turut berdekatan dengan kampus UMP Pekan memberikan nilai tambah yang tidak sedikit dalam konteks peningkatan sosioekonomi setempat.
6. Dalam hubungan tersebut, pihak pengurusan UMP turut meraikan kepentingan peranan kolektif yang boleh dimainkan oleh Universiti ini dan DRB-HICOM Berhad untuk melihat aspek potensi yang dinyatakan tadi dari perspektif yang lebih luas dan berimpak tinggi.

SKUAD PENGURUSAN JENAZAH UMP

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada hari ini, saya amat sukacita dan bersyukur kerana pihak UMP menerima sumbangan berupa van jenazah daripada pihak DRB-HICOM Berhad. Sumbangan ini amat bermakna kepada kami di UMP, khususnya kepada warga kerja di Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) yang telah berjaya menubuhkan Skuad Pengurusan Jenazah UMP baru-baru ini.

8. Dengan kapasiti semasa mahasiswa yang berjumlah hampir 10,000 orang dan hampir 2,000 staf yang berasal dari pelbagai negeri dan negara, maka aspek kebajikan dan kesejahteraan warga Universiti sentiasa diberikan perhatian yang serius oleh pihak pengurusan.
9. Aspek kebajikan umpamanya, tidaklah hanya terhad kepada penyediaan kemudahan penginapan, makanan dan bantuan kewangan, tetapi turut melibatkan kemudahan sokongan perubatan dan juga pengurusan kematian secara sistematik dan memudahcara tanpa menyulitkan sesiapa.
10. Selaras dengan pertambahan bilangan mahasiswa dan warga kerjanya, maka pihak pengurusan UMP telah meminta pihak PIMPIN untuk mengkaji keperluan untuk menubuhkan satu unit khas di bawah seliaannya yang memberi khidmat berkaitan pengurusan jenazah bertempat di premis Universiti ini.
11. *Alhamdulillah*, hasrat tersebut telah berjaya direalisasikan oleh pihak PIMPIN dan kini, Skuad Pengurusan Jenazah tersebut dianggotai oleh 80 sukarelawan dari kalangan mahasiswa dan staf yang telah diberikan latihan yang khusus berhubung skop tugas mereka.

12. Dengan adanya Skwad tersebut, maka Universiti ini dapat menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lebih sempurna meliputi persediaan peralatan bagi tujuan memandikan dan mengkafankan jenazah, menyembahyangkan jenazah dan penghantaran jenazah ke lokasi pengkebumian.
13. Justeru, sumbangan van jenazah yang diterima daripada DRB-HICOM Berhad ini melengkapkan lagi fungsi dan perkhidmatan Skwad Pengurusan Jenazah yang kini dioperasikan daripada Masjid UMP dengan kemudahan bilik dan peralatan pengurusan jenazah.
14. Perkhidmatan yang sempurna dengan peralatan yang serba lengkap ini pastinya akan memberikan kelegaan kepada keluarga si mati dan dengan itu membolehkan urusan pengkebumian dijalankan dengan lebih cepat dan teratur sebagaimana yang dituntut oleh hukum Syarak.
15. Justeru, saya berharap agar pihak PIMPIN dapat memanfaatkan van jenazah yang disumbangkan ini dengan cermat dan hemat bagi memberikan khidmat yang terbaik kepada pihak yang memerlukan bantuan daripada Skwad Pengurusan Jenazah tersebut.

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

16. Tuan-tuan dan puan-puan,

Mengakhiri ucapan ini, saya bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada DRB-HICOM Berhad atas keprihatinan korporatnya untuk menyumbangkan van jenazah ini kepada kami.

17. Mudah-mudahan aliran manfaat daripada sumbangan ini akan terus berpanjangan sebagai sedekah jariah yang tulus dan ikhlas di sisi Allah Ta'ala dengan capaian faedahnya kepada seramai mungkin benefisiari yang memerlukan.

18. Akhir kata, marilah kita berdoa ke hadrat Allah Ta'ala supaya rahmat-Nya akan terus memayungi pihak DRB-HICOM Berhad sebagai penyumbang pada hari ini serta seluruh warga UMP dan negara ini dalam naungan keselamatan, kesejahteraan, kemakmuran dan kejayaan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.